



18 Ogos 2014  
18 August 2014  
P.U. (B) 368

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

**NOTIS PEMULAAAN PENYIASATAN BAGI PENENTUAN  
LANGKAH PERLINDUNGAN MENGENAI KELUARAN  
PLAT GULUNGAN PANAS YANG DIIMPORT  
KE DALAM MALAYSIA**

***NOTICE OF INITIATION OF INVESTIGATION FOR THE  
DETERMINATION OF SAFEGUARD MEASURE WITH  
REGARD TO HOT ROLLED PLATES PRODUCTS  
IMPORTED INTO MALAYSIA***



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

## AKTA PELINDUNG 2006

NOTIS PEMULAAAN PENYIASATAN BAGI PENENTUAN LANGKAH PERLINDUNGAN  
MENGENAI KELUARAN PLAT GULUNGAN PANAS YANG DIIMPORT KE DALAM  
MALAYSIA

(SM 01/14)

MENURUT subseksyen 14(1) Akta Pelindung 2006 [*Akta 657*] dan peraturan 3 Peraturan-Peraturan Pelindung 2007 [*P.U. (A) 386/2007*], Kerajaan Malaysia telah menerima suatu petisyen yang meminta supaya suatu penyiasatan perlindungan dimulakan dan petisyen itu telah mengatakan bahawa peningkatan import keluaran plat keluli gulungan panas besi atau keluli bukan aloi dan keluli aloi yang lain, yang mempunyai kelebaran 600 milimeter atau lebih, digulung panas, tidak diliputi, disadur atau disalut, yang mempunyai ketebalan antara 6 milimeter hingga 75 milimeter (“keluaran itu”) telah menyebabkan kemudaratan yang serius kepada industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran yang serupa. Penyiasatan ini secara spesifiknya mengecualikan keluaran plat keluli gulungan panas yang akan digunakan dalam industri elektrik dan elektronik, dan industri automotif dan yang akan digunakan dalam aplikasi dandang dan bejana tekanan.

**Permintaan bagi penyiasatan**

1. Permintaan itu telah dibuat oleh—

**JI KANG DIMENSI SDN BHD**

Lot 69-71, Kawasan Perindustrian Gebeng

26100 Kuantan, Pahang

sebagai pengeluar dalam negeri produk itu.

## Keluaran

2. Keluaran di bawah penyiasatan ialah keluaran itu yang dikelaskan di bawah Nombor Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7208.51.000, 7208.52.000, 7225.40.000, dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7208.51.0000, 7208.52.0000, 7225.40.9000. Nombor Kod H.S. dan AHTN ini diberikan hanya untuk makluman dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap pengelasan keluaran itu.

## Ringkasan peningkatan import keluaran yang disiasat

Import (Kepingan)	2011	2012	2013
	(Tan Metrik)		
	257,591	292,238	367,172

3. Import keluaran itu ke dalam Malaysia telah meningkat 13.45% daripada 257,591 tan metrik pada 2011 kepada 292,238 tan metrik pada 2012. Sebagai tambahan, import keluaran itu telah meningkat 25.64% pada 2013.

## Ringkasan faktor bagi kemudaratan yang serius

4. Mengenai aspek kemudaratan yang serius, dokumen yang telah dikemukakan oleh pempetisyen telah menunjukkan bahawa kenaikan import keluaran itu telah menyebabkan kemudaratan yang serius sebagaimana yang ditunjukkan melalui penurunan bahagian pasaran, pengeluaran, jualan, penggunaan kapasiti, produktiviti dan keberuntungan.

## Tatacara

5. (1) Setelah menentukan bahawa wujudnya keterangan yang mencukupi untuk mewajarkan suatu penyiasatan bagi penentuan langkah perlindungan mengenai import keluaran itu ke dalam Malaysia, Kerajaan memulakan penyiasatan menurut subseksyen 14(1) Akta pada 18 Ogos 2014.

(2) Penyiasatan itu akan menentukan sama ada terdapat kemudaratan yang serius disebabkan oleh peningkatan import keluaran itu ke dalam Malaysia. Penyiasatan itu juga akan meneliti keperluan bagi langkah perlindungan mengenai import keluaran itu ke dalam Malaysia.

### **Soal selidik**

6. Bagi mendapatkan maklumat yang disifatkan perlu bagi penyiasatannya, Kerajaan akan mengagihkan soal selidik kepada pihak berkepentingan. Jika perlu, pihak berkepentingan itu boleh memohon bagi suatu salinan soal selidik itu dengan mengenal pasti jenis aktiviti perniagaan mereka berhubung dengan penyiasatan ini.

### **Pengumpulan maklumat**

7. Semua pihak berkepentingan diundang untuk memberikan pandangan mereka secara bertulis, khususnya dengan menjawab soal selidik yang dialamatkan kepada mereka dan dengan mengemukakan keterangan menyokong.

### **Had masa**

8. (1) Mana-mana pihak berkepentingan yang ingin meminta sesuatu soal selidik hendaklah berbuat demikian tidak lewat daripada lima belas hari selepas penyiaran notis ini dalam *Warta*.

(2) Semua pihak berkepentingan mestilah mengemukakan pandangan mereka secara bertulis dan mengemukakan jawapan bagi soal selidik dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyiaran notis ini jika pandangan dan pengemukakan itu hendak diambil kira semasa penyiasatan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

**Pengemukaan maklumat bertulis, jawapan bagi soal selidik dan surat-menyurat**

9. (1) Semua pengemukaan maklumat, jawapan bagi soal selidik dan surat-menyurat dan permintaan mesti dibuat secara bertulis dan dihantar melalui pos atau faksimili dan dengan jelas menyatakan nama, alamat, alamat e-mel, nombor telefon dan faksimili pihak berkepentingan itu kepada—

Pengarah

Seksyen Amalan Perdagangan

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

Tingkat 14, Blok 8, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan Jalan Duta

50622 Kuala Lumpur

Malaysia

Nombor telefon : (603) 6200 0113/123

Nombor faksimili : (603) 6203 1745

Alamat e-mel : [alltps@miti.gov.my](mailto:alltps@miti.gov.my)

(2) Sekiranya pihak berkepentingan tidak memberikan maklumat yang perlu atau maklumat dan pandangan itu tidak diterima dalam bentuk yang memadai dalam had masa yang dinyatakan, Kerajaan boleh membuat penentuan berdasarkan fakta yang ada.

Bertarikh 7 Ogos 2014

[MITI:ID/(S/AP/SG/045/3 Jld 2); PN(PU2)647/II]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
*Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*

SAFEGUARDS ACT 2006

NOTICE OF INITIATION OF INVESTIGATION FOR THE DETERMINATION OF  
SAFEGUARD MEASURE WITH REGARD TO HOT ROLLED PLATES PRODUCTS  
IMPORTED INTO MALAYSIA

(SM 01/14)

PURSUANT to subsection 14(1) of the Safeguards Act 2006 [*Act 657*] and regulation 3 of the Safeguards Regulations 2007 [*P.U. (A) 386/2007*], the Government of Malaysia has received a petition requesting that a safeguard investigation be initiated and the petition has alleged that the increase of imports of hot rolled steel plate products of iron or non-alloy steel and other alloy steel, of a width of 600 millimetre or more, hot rolled, not clad, plated or coated, of a thickness between 6 millimetre to 75 millimetre (“the products”) have caused serious injury to the domestic industry in Malaysia producing the like products. This investigation specifically excludes hot rolled steel plate products to be used in the electrical and electronic industry, and automotive industry and to be used in the boiler and pressure vessel application.

**Request for investigation**

1. The request was lodged by—

**JI KANG DIMENSI SDN BHD**

Lot 69-71, Kawasan Perindustrian Gebeng  
26100 Kuantan, Pahang

being the domestic producer of the products.

**Products**

2. The products under investigation are the products which are classified under the Harmonised System Code (H.S. Code) Number 7208.51.000, 7208.52.000, 7225.40.000, and ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature (AHTN) 7208.51.0000, 7208.52.0000, 7225.40.9000. These H.S. Code Number and AHTN are given only for information and have no binding effect on the classification of the products.

### Summary of increase in import of products under investigation

Import (Piece)	2011	2012	2013
		(Metric Tonnes)	
	257,591	292,238	367,172

3. The imports of the products into Malaysia have increased 13.45% from 257,591 metric tonnes in 2011 to 292,238 metric tonnes in 2012. In addition, the imports of the products have increased 25.64% in 2013.

### Summary of serious injury factors

4. With respect to the aspect of serious injury, the documents submitted by the petitioner has shown that the increased imports of the products have caused serious injury as indicated in their declining market share, production, sales, capacity utilisation, productivity and profitability.

### Procedure

5. (1) Having determined that sufficient evidence exists to warrant an investigation for the determination of safeguard measure with regard to the imports of the products into Malaysia, the Government initiates investigation pursuant to subsection 14(1) of the Act on 18 August 2014.

(2) The investigation will determine whether there is serious injury caused by increased imports of the products into Malaysia. The investigation will also examine the need for the safeguard measure with regard to the imports of the products into Malaysia.

### Questionnaires

6. In order to obtain information deemed necessary for its investigation, the Government will distribute questionnaires to interested parties. If necessary, such interested parties may request for a copy of the questionnaire by identifying the nature of their business activities in relation to this investigation.

**Collection of information**

7. All interested parties are invited to make their views known in writing, in particular by replying to the questionnaires addressed to them and by providing supporting evidence.

**Time limit**

8. (1) Any interested party requesting for a questionnaire shall do so not later than fifteen days after the publication of this notice in the *Gazette*.

(2) All interested parties must present their views in writing and submit questionnaire responses within thirty days from the date of publication of this notice if such views and submissions are to be taken into consideration during the investigation, unless otherwise specified.

**Submissions of written information, questionnaire responses and correspondences**

9. (1) All submissions of information, questionnaire responses and correspondences and requests must be made in writing and sent by post or facsimile and with clear indication of the name, address, e-mail address, telephone and facsimile numbers of the interested parties to—

Director  
Trade Practices Section  
Ministry of International Trade and Industry (MITI)  
Level 14, Block 8, Government Offices Complex Jalan Duta  
50622 Kuala Lumpur  
Malaysia

Telephone number : (603) 6200 0113/123  
Facsimile number : (603) 6203 1745  
E-mail address : [alltps@miti.gov.my](mailto:alltps@miti.gov.my)

(2) If the interested parties do not provide the necessary information or the information and views are not received in adequate form within the specified time limit, the Government may make determination on the basis of available facts.

Dated 7 August 2014  
[MITI:ID/(S/AP/SG/045/3 )ld 2); PN(PU2)647/II]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
*Minister of International Trade and Industry*